

Pengurangan tol 18 peratus tidak jejakkan sumber kewangan PLUS - Tun Mahathir
AstroAwani
19 Januari 2020
Abdul Hadi Che Awang,

LANGKAWI: Penurunan kadar tol lebuhraya yang akan dilaksanakan bermula 1 Februari depan dijangka tidak akan menjejaskan kedudukan serta sumber kewangan PLUS Malaysia Berhad. [11/1/2020]

Jelas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, lanjutan tempoh yang diberikan selama 20 tahun dari 2038 kepada 2058 juga mampu memastikan syarikat terbabit memperoleh hasil kutipan yang mencukupi.

[11/1/2020] Terutama bagi melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan serta penyelenggaraan lebuhraya pada masa akan datang. [11/1/2020]

Tambahnya, pengurangan kadar terbabit juga tidak seharusnya menjejaskan kualiti perkhidmatan sedia ada yang dimiliki syarikat konsesi tersebut. [11/1/2020]

“Dengan mengurangkan tol sebanyak 18 peratus dan tidak ada kenaikan tol selama 38 tahun, dia (PLUS) dapat perolehan yang mencukupi untuk membiayai kerja-kerja pemuliharaan dan lagi kerja-kerja penyelenggaraan yang diadakan.

“Kita percaya bahawa kegunaan jalan ini akan meningkat dan ini akan menambah pendapatan khazanah dan kita ada pendapatan yang lain, pengiklanan dan lain-lain,” katanya selepas mengadakan lawatan ke Loji Rawatan Kumbahan Pantai Tengah, Langkawi, pada Ahad. [11/1/2020]

Perdana Menteri pada mengumumkan kadar tol lebuh raya PLUS akan diturunkan 18 peratus tahun ini dan kadar terbabit akan kekal sehingga tamat tempoh konsesi lanjutan iaitu pada 2058..^[1]_{SEP}

Jelas beliau, penurunan terbabit merangkumi semua lebuh raya kendalian PLUS dengan hasrat membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.^[1]_{SEP}

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengurangan-tol-18-peratus-tidak-jejaskan-sumber-kewangan-plus-tun-mahathir-228467>